

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/1993

April 1993

SPU306 - Politik Perhubungan Utara-Selatan

Masa: (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan semuanya.

1. Kenapa Suruhanjaya Selatan telah menghujahkan bahawa satu "Rancangan Global Bertindak Segera" ("Global Programme of Immediate Action") amat diperlukan? Pada pendapat anda, adakah pihak Utara akan menyambut baik rancangan ini? Berikan alasan-alasan untuk menyokong pendapat anda.

(100 markah)

2. Jawab **KEDUA-DUA** soalan yang berikut:

- (a) Bincangkan masalah-masalah perdagangan antara negara-negara Utara dan negara-negara Selatan. Kemudian, jelaskan bagaimana hal-hal perdagangan boleh diperalatkan sama ada oleh negara-negara Utara atau Selatan dalam usaha mencapai matlamat-matlamat dasar luar. Gunakan contoh-contoh dalam jawapan anda.

(50 markah)

- (b) Bincangkan tentang penggunaan bantuan sebagai alat dasar luar negara-negara Utara. Pada pendapat anda, sejauh manakah bantuan asing adalah satu pendorong ke arah pembangunan negara-negara Selatan? Berikan hujah-hujah untuk menyokong pendapat anda.

(50 markah)

3. Anggapkan diri anda sebagai seorang pegawai dalam Kementerian Dasar Luar sesebuah negara Utara. Anda diberi tugas menulis satu kertaskerja mengenai kerjasama Selatan-Selatan. Tuliskan kertaskerja itu dengan menumpukan perhatian kepada soal sama ada kerjasama Selatan-Selatan itu boleh menjasaskan kepentingan-kepentingan Utara atau tidak.

(100 markah)

4. Jawab KEDUA-DUA soalan berikut:

- (a) Apakah ertiya "hakmilik intelektual"? Kenapa perkara ini telah menjadi satu isu dalam hubungan Utara-Selatan?

(50 markah)

- (b) Masalah-masalah persekitaran alam merupakan satu cabaran terhadap kebajikan semua negara di dunia. Meskipun demikian, kerjasama antarabangsa sepenuhnya bagi mengatasi masalah-masalah itu sukar dicapai. Kenapa?

(50 markah)

5. Ramai permerhati menyatakan bahawa perusahaan transnasional Utara membawa lebih banyak keburukan daripada kebaikan kepada negara-negara tuan rumah Selatan sedangkan ia membawa hanya kebaikan kepada negara-negara rumahtangga di Utara. Bersetujukah anda dengan andaian ini? Berikan hujah-hujah untuk menyokong pendapat anda.

(100 markah)

-oo oo oo -